

No. Soalan: 6  
PR-1322-L62301

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**SOALAN : YANG BERHORMAT PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah pencapaian dan persetujuan persefahaman antara 'G to G' dalam lawatan rasmi Presiden Barack Obama ke Malaysia baru-baru ini.**

## **JAWAPAN**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Secara keseluruhannya, lawatan Presiden Barack Obama ke Malaysia adalah satu lawatan yang berjaya, produktif dan telah membawa hasil positif. Lawatan ini merupakan satu mercu tanda dalam hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat.
3. YAB Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat telah bersetuju supaya hubungan dua hala kedua negara dinaiktarafkan kepada kerjasama yang berperinsipkan rakan kongsi komprehensif atau *Comprehensive Partnership*. Ini bermakna hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat akan lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek kerjasama, antaranya dalam bidang ekonomi dan perdagangan, sains dan teknologi, pertahanan dan hubungan antara rakyat kedua negara.
4. Di samping itu, Malaysia telah mengumumkan hasrat untuk menyertai *Visa Waiver Program* yang mana telah disambut baik oleh Amerika Syarikat. Selain itu, kedua-dua negara juga telah bersetuju dengan pelanjutan tempoh pelaksanaan program *Fullbright English Teaching Assistants* (ETA) selama 3 tahun. Malaysia juga telah memaklumkan persetujuan untuk menyertai *Proliferation Security Initiative* (PSI).

5. Presiden Obama juga telah memberikan komitmen sokongan Amerika Syarikat terhadap Malaysia sebagai Pengerusi Asean pada 2015 serta telah menyatakan sokongan terhadap pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) bagi tahun 2015 – 2016.

6. Selain itu, kedua pemimpin juga bersetuju supaya mesyuarat di peringkat *Senior Officials Dialogue* (SOD) terus diadakan bagi meneruskan momentum kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.